

## **Noh rayu nelayan jual hasil tangkapan kepada persatuan**

21/07/2011 9:57pm

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN

KUALA LUMPUR 21 Julai – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyeru nelayan di seluruh negara supaya menjual hasil tangkapan kepada persatuan nelayan dan agensi yang berkaitan.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, langkah itu perlu bagi mengurangkan pengaruh isu orang tengah yang dilihat membebaskan nelayan selama ini.

"Kita ada Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tetapi nelayan masih menjual hasil tangkapan kepada pihak lain.

"Jika perkara ini berterusan, nasib nelayan tidak akan berubah dan berada di takuk yang lama kerana memperoleh keuntungan yang rendah," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Nekmat Ke-26 di sini malam ini.

Sementara itu, Noh berkata, Nekmat perlu melakukan pembaharuan untuk maju terutama meningkatkan penggunaan teknologi moden.

"Kita perlu sedar bahawa peningkatan daya saing kita hendaklah sentiasa dikemas kini dengan kaedah teknologi baru yang terdapat di pasaran.

"Ini bagi memungkinkan kita memperoleh faedah maksimum," katanya. – Utusan

SUMBER : [Utusan Online](#)